

CAMAR KASPIAN
Caspian Tern

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Sterna caspia*

CIRI-CIRI

Individu dewasa di luar musim membiak adalah lebih besar berbanding spesies camar-camar yang lain dengan paruh tebal yang berwarna merah. Diperhatikan bahagian atas kepala, belakang tengkuk dan muka berwarna seakan-akan hitam dengan bahagian depan atas kepala adalah lebih putih dengan terdapat bintik-bintik kehitaman, hujung paruh terdapat warna hitam. Semasa terbang, bahagian atas sayap menunjukkan warna kekelayuan. Bagi burung dewasa pada musim membiak pula, dari bahagian depan atas kepala sehingga bahagian belakang tengkuk dan muka berwarna kehitaman. Bagi burung pada musim hijrah, ia hampir sama dengan burung dewasa di luar musim membiak tetapi bahagian sekunder, primary dan bahagian ekor adalah lebih gelap. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 48-55 sm.

MAKANAN

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan.

HABITAT

Spesies ini menghuni kawasan persisiran pantai, kawasan berlumpur, kadang kala kawasan tasik, sungai-sungai besar serta kawasan tanah rendah.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah sepanjang tahun. Sarang dibina di atas pokok atau di kawasan semak. Spesies ini hidup dalam koloni yang besar. Burung betina cuma menghasilkan satu biji telur pada setiap kali ianya bertelur.